

TARIKH : 8.1.2020  
MEDIA : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

*Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*

# Mercu pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ekonomi 2019

Lima daripada empat teras hala tuju baharu pembangunan berjaya dipenuhi

Oleh Junita Mat Rasid  
junita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyediaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) menjadi mercu tanda pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) 2019 dengan menjadikannya hala tuju baharu pembangunan negara.

Pembangunan itu membabitkan penstrukturkan semula ekonomi negara ke arah ekonomi yang bernilai tinggi dan mengurangkan jurang perbezaan antara kelas pendapatan, kaum, wilayah dan rantaian nilai.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata demikian dalam laporan Pencapaian MEA 2019, yang dikeluarkan semalam, dengan menyifatkan 2019 penuh bermakna bagi warga kementeriannya apabila berjaya memenuhi lima janji daripada empat teras secara keseluruhan.

MEA juga memenuhi tiga ilitzan khusus untuk warga FELDA dalam *Buku Harapan* yang dipertanggungjawabkan kepada-

kementerian selaku peneraju perancangan pembangunan sosial ekonomi Malaysia yang mampan, maju dan inklusif.

Dalam laporannya, MEA mengambil kira pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, sektor swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan masyarakat dalam penyediaan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-12 agar perancangan yang dibuat adalah inklusif serta mengambil kira semua pihak.


MEA memberi keutamaan agihan peruntukan pembangunan sebanyak RM13.04 bilion untuk pembangunan enam ne-

geri iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Peruntukan pembangunan luar bandar juga diberi keutamaan apabila 218 projek jalan luar bandar dan perhubungan desa bernilai RM926.2 juta dibuat sepanjang tahun lalu, selain 23 projek bekalan air luar bandar bernilai RM737.9 juta.

Selain itu, sebanyak 41 projek bekalan elektrik bernilai RM686.76 dan 13 projek Program Amenniti Sosial bernilai RM39.7 juta dijalankan.

Demi kesejahteraan rakyat, peruntukan bagi pembangunan sosioekonomi disalurkan bagi



Peruntukan sekolah daif RM100 juta bagi 32 sekolah di Sarawak.

sektor berkaitan rakyat termasuk sektor kesihatan dan kependudukan dengan 379 projek bernilai RM2.27 bilion.

Sektor pembangunan luar bandar dan masyarakat memb-

bitkan 431 projek bernilai RM1.46 bilion, manakala 1,552 projek bernilai RM8.25 bilion bagi sektor pelajaran dan pendidikan.

Peruntukan khusus untuk Sabah membabitkan RM4.593 juta juta bagi perbelanjaan pembangunan dan RM10 juta peruntukan untuk tiga sekolah daif.

Bagi Sarawak, peruntukan khusus RM4.175 juta untuk perbelanjaan pembangunan dan peruntukan sekolah daif sebanyak RM100 juta bagi 32 sekolah.

Kementerian, jabatan dan agensi juga diberi peruntukan untuk membayai projek kecil berimpak tinggi yang membabitkan kerja baik pulih dan menaik taraf, terutama di kawasan luar bandar berdasarkan keperluan luar jangka dan mendesak.

Projek baik pulih dan menaik taraf itu membabitkan 32 rumah ibadat dengan peruntukan RM37.66 juta, selain 79 dewan komuniti (RM8.06 juta), 108 pusat pendidikan (8.08 juta) dan 195 jalan raya (RM34.08 juta).



218 projek jalan luar bandar dan perhubungan desa bernilai RM926.2 juta dibuat sepanjang tahun lalu.